



01 JAN, 2023



## Buka lembaran baharu pembinaan semula negara

Berita Harian Ahad, Malaysia

Page 1 of 2

# Buka lembaran baharu pembinaan semula negara



Oleh Badlishah Sham Baharin  
bhrenca@bh.com.my

Presiden  
Pertubuhan IKRAM  
Malaysia

**Tahun** 2022 merakamkan pelbagai peristiwa suka, duka, pahit dan manis dilalui rakyat dan negara pada pasca pandemik ini. Paling mencuri perhatian, Malaysia kini ditadbir Kerajaan Perpaduan selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Kerajaan Perpaduan ini menggabungkan Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Rakyat Sabah (GRS), Warisan, PBM dan Bebas, sesuatu yang sangat baharu dalam sejarah politik negara.

Tirai 2022 diakhiri dengan insiden menyayat hati tragedi tanah runtuh di Father's Organic Farm, Batang Kali, Selangor mengakibatkan 31 orang terkorban, seterusnya bencana banjir melanda Kelantan dan Terengganu dengan puluhan ribu mangsa dipindahkan.

Apa pun yang berlaku pada tahun lalu, ia seharusnya menjadi iktitib mematangkan dalam menghadapi cabaran dijangka lebih getir pada 2023 dengan ketidaktentuan ekonomi, inflasi, kenaikan harga barang dan kos sara hidup meningkat.

Situasi ini perlu diiringi dengan langkah ke hadapan proaktif dan berkesan untuk kerajaan laksanakan supaya cabaran 2023 dapat dihadapi dengan daya tahan tinggi serta ramuan pemulihan holistik.

Pelbagai langkah awal mengurangkan beban rakyat diberikan kerajaan antaranya kawalan harga barang, pengekalan tarif elektrik, bantuan untuk pesawah dan pelbagai inisiatif untuk rakyat dalam Bajet Misi 2023 dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini.

Kelebihan hubungan baik Malaysia dan negara asing yang terjalin sejak lama boleh dijadikan landasan terbaik untuk menarik lebih ramai pelabur asing untuk melabuh ke Malaysia.

Apatah lagi Kerajaan Perpaduan yang baru sahaja terbentuk di bawah pimpinan Anwar, diharap dapat memberikan lebih keyakinan syarikat gergasi dunia untuk melabur ke negara ini.

### Tingkat pendapatan negara

Sementara itu, sumber pendapatan negara sewajarnya ditingkatkan dalam bidang berpotensi antara pertanian, pendidikan dan teknologi, selari dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dan teknologi 5G.

Tahun 2023 perlu menjadi tahun membuat perubahan besar dan mengakar, sekali gus menuntut negara memiliki kerajaan stabil, berfungsi dan berkenampuan menyelesaikan masalah supaya kekal berada pada landasan kukuh.

Justeru, amat diharapkan semua parti politik menghentikan apa juga bentuk 'politik-ing' tidak bermanfaat dan pada masa sama berusaha membangunkan negara ke arah lebih baik. Di samping itu, usaha memerangi rasuah mesti diberi keutamaan oleh kerajaan supaya segala ketirisan kewangan

dapat dibendung dan dicegah.

Selain itu, langkah membina semula negara perlu dipertingkatkan dengan menjana peluang pekerjaan untuk golongan muda berpadanan dengan kelayakan, menarik pelabur berkualiti, reformasi sistem pendidikan serta memupuk perpaduan nasional demi mengatasi sentimen perkauman dan agama.

Isu ekonomi dilihat antara cabaran utama bakal dihadapi Malaysia pada tahun ini. Tambahan pula, dengan jangkaan Bank Negara Malaysia (BNM) akan menaikkan Kadar Dasar Semalam (OPR) untuk mengekang inflasi, maka ini akan memberi kesan kepada pendapatan rakyat.

Oleh yang demikian, pekerjaan yang boleh menambah pendapatan rakyat amat perlu diwujudkan untuk mendepani beban keuangan dijangka berlaku pada tahun ini.

Sistem pendidikan juga perlu diperkuuh dan dipertingkatkan bagi melahirkan pemikir temaga kerja mahir, modal insan produktif dan inovatif kerana ia mampu melonjakkan negara dalam segala bidang kemahiran.

Bagi memperkuuhkan lagi perpaduan nasional, Sentimen perkauman dan agama perlu dibantersupaya tidak ada tembok boleh memisahkan dan memecah-belahkan rakyat.

Pendekatan 'Wasatiyyah dan Rahmah' wajar diamalkan bagi membentuk masyarakat majmuk saling menghormati dan berkolaborasi demi membina negara aman, sejahtera dan makmur.

Tempoh 12 bulan pada tahun ini belum tentu dapat menjamin segala perubahan buat negara, namun ia titik penting kepada satu perubahan menyeluruh untuk membantu membangun dan memulihkan semula negara mengikut acuan nasional.

Apa yang penting, masyarakat dengan kerajaan dapat bergandingan untuk mencari penyelesaian kepada segala permasalahan membelenggu rakyat dan negara. Semoga 2023 memberikan sinar perubahan buat negara dengan kepimpinan berwibawa, ekonomi mampan dan rakyat sejahtera.

**• Pendekatan 'Wasatiyyah dan Rahmah' wajar diamalkan bagi membentuk masyarakat majmuk saling menghormati dan berkolaborasi demi membina negara aman, sejahtera dan makmur •**



01 JAN, 2023

## Buka lembaran baharu pembinaan semula negara

Berita Harian Ahad, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

Tahun 2022 merakamkan pelbagai peristiwa suka, duka, pahit dan manis dilalui rakyat dan negara pada pasca pandemik ini. Paling mencuri perhatian, Malaysia kini ditadbir Kerajaan Perpaduan selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15). Kerajaan Perpaduan ini menggabungkan Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Rakyat Sabah (GRS), Warisan, PBM dan Bebas, sesuatu yang sangat baharu dalam sejarah politik negara.